

PERMOHONAN PENGELUARAN WANG LEBIH DARIPADA AKAUN PEMAJUAN PERUMAHAN DI BAWAH PERATURAN 9, PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (AKAUN PEMAJUAN PERUMAHAN) 1991

Bil.	Dokumen yang diperlukan	Keterangan
1.0	BORANG PERMOHONAN	
	<i>(Tiada borang khusus digunakan)</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Surat iringan (covering letter) mesti disertakan.</i> • <i>Lesen pemaju hendaklah terlebih dahulu bebas daripada sebarang syarat yang dikenakan oleh Kementerian ini. Sekiranya ada syarat bagi kelulusan lesen yang masih belum dipenuhi, pemaju hendaklah mengemukakan penjelasan kenapa syarat-syarat berkenaan masih belum dipenuhi dan kemukakan juga segala dokumen sokongan yang berkaitan daripada Jabatan/Agensi Kerajaan yang terlibat. Maklumbalas perlu dikemukakan sebagaimana yang dinyatakan di para 2.6 di bawah.</i> • <i>Jaminan bank (sekiranya ada) hendaklah diperbaharui terlebih dahulu jika tempoh hampir/telah tamat</i>
2.0	DOKUMEN SOKONGAN	
2.1	Salinan sijil Lesen Pemaju Perumahan serta Permit Iklan & Jualan	
2.2	Sijil Arkitek	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Sijil Arkitek mesti menggunakan kepala surat firma arkitek yang berkenaan dan dibuat mengikut format seperti di Lampiran A atau B. Lampiran A ialah bagi kediaman jenis “landed property” dan Lampiran B ialah bagi kediaman jenis “highrise building”. Sijil Arkitek yang tidak mengikut format tersebut tidak akan diterima.</i> • <i>Amaun yang disyorkan oleh Arkitek di dalam Sijil Arkitek akan digunakan sebagai baki yang perlu ditinggalkan di dalam akaun pemaju perumahan sehingga tamat tempoh tanggungan kecacatan 18 bulan seperti yang ditetapkan dalam PPP (K & P)(Pindaan)2002</i>
2.3	Salinan Sijil Kelayakan Menduduki (CFO)	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Pemaju perlu mengemukakan CFO bagi kesemua unit rumah bagi pemajuan perumahan berkenaan.</i> • <i>Salinan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan Sementara (TCFO) atau Borang E tidak akan diterima untuk pertimbangan.</i>
2.4	Surat pembukaan Akaun Pemaju Perumahan	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Nombor Akaun Pemaju Perumahan dan nama bank mestilah sama sepertimana di dalam surat pengesahan pembukaan Akaun Pemaju Perumahan yang asal.</i>

2.5	Surat pengesahan baki terkini daripada bank	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Surat pengesahan perlulah dikeluarkan oleh pihak bank di mana Akaun Pemaju Perumahan dibuka dan mestilah menyatakan baki semasa akaun</i>
2.6	Syarat-syarat dalam lesen pemaju perumahan telah dipatuhi	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Segala syarat-syarat yang telah dikenakan sewaktu kelulusan lesen pemaju, misalnya kelulusan pecah sempadan, mestilah telah ditunaikan sepenuhnya.</i>
2.7	Surat pengesahan bayaran pampasan (LAD) daripada peguam	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Pengesahan tiada tuntutan pampasan daripada pembeli</i> • <i>Sekiranya ada, amaun yang diperlukan untuk bayaran pampasan perlulah dinyatakan</i>